

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR  
BIN WAN CHIK ( BALIK PULAU )**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani sikap polarisasi kaum yang ketara seperti kajian ISEAS (Yusof Ishak Institute, Spore) diterbitkan pada 27 Mac 2020 yang mendapati jumlah sentimen anti-Chinese memuncak sekitar kejatuhan Kerajaan PH.

**JAWAPAN**

Bagi memantapkan agenda perpaduan nasional, Kementerian sedang membangunkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN 2021-2025)** berlandaskan kepada lima prinsip Rukun Negara dengan lima (5) teras yang telah ditetapkan iaitu:

**i. Teras Pertama**

Membangunkan Perpaduan kefahaman baharu

**ii. Teras Kedua**

Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan

**iii. Teras Ketiga**

Agihan sosio ekonomi yang adil dan saksama untuk kemakmuran rakyat dan negara

**iv. Teras Keempat**

Menjamin keterbukaan terhadap tradisi kebudayaan berbeza dan rencah dipertahankan

**v. Teras Kelima**

Membina masyarakat progresif melalui sains dan teknologi

Agenda perpaduan nasional antara lainnya ialah :

**1. Memperkasakan Kelab Rukun Negara** di peringkat Sekolah Rendah dan Menengah.

- a) 6,621 KRN sedia ada dari 10,220 sekolah seluruh negara.
- b) Pelaksanaan program:
  - i. Program MyRukun Negara
  - ii. Aktiviti Modul Silang Budaya
  - iii. Kem Jati Diri KRN

**2. Memperkasakan Sekretariat Rukun Negara** diperingkat Institusi Pengajian Tinggi.

- a) 172 SRN sedia ada.
- b) Pelaksanaan Program;
  - i. Karnival Perpaduan SRN Peringkat Kebangsaan
  - ii. Program Khidmat Masyarakat
  - iii. Program Interaktif Bersama SRN
  - iv. Konvensyen SRN

Sekian, terima kasih.